

Rujukan kami: UMP.03.01/10.14/3 (3)
Tarikh: 25 November 2022

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt.wbt.
YH Prof. Dato'/ YBhg. Prof/ Prof Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

**SURAT EDARAN PEKELILING BENDAHARI BIL.3 TAHUN 2022
TAMBAHAN KEPADA PERATURAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UNIVERSITI,
BAB 3 : PEROLEHAN KERAJAAN, UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
-PENGUATKUASAAN TEMPOH PERMOHONAN PESANAN TEMPATAN**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

- Merujuk kepada Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU), perkara 3.16 (ii): Permohonan pengeluaran pesanan tempatan hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya dalam **tempoh tujuh (7) hari bekerja**. Oleh itu, PTJ dikehendaki untuk mematuhi penguatkuasaan tempoh permohonan pesanan tempatan ini.
- Berdasarkan kepada rekod permohonan-permohonan PTJ, didapati PTJ tidak mematuhi PKPU tersebut. Bagi memudahkan proses dan operasi, pihak kami memohon PTJ memberikan kerjasama untuk mematuhi peraturan seperti mana dalam PKPU tersebut.
- Oleh itu, PTJ hendaklah sentiasa membuat perancangan teliti bagi semua aktiviti atau program Jabatan/ Universiti dengan mengambil kira tempoh masa bagi penyediaan pesanan tempatan. PTJ seterusnya hendaklah mematuhi penguatkuasaan ini bagi mengelak teguran audit dan tindakan AP59.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menandatangani amanah,



(ZAINUDIN BT OTHMAN)
Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)
Universiti Malaysia Pahang